

Rancangan Pampasan

Kandungan

Seksyen 1 – Pembayaran Komisen.....	1
Seksyen 2 – Pangkat Pengedar.....	1
Seksyen 3 – Komisen PowerStart.....	2
Seksyen 4 – Komisen UniLevel.....	3
Seksyen 5 – Komisen Tabung Bonus Global.....	4
Seksyen 6 – Komisen Tabung Bonus 500K.....	4
Seksyen 7 – Komisen Jualan Runcit.....	5
Seksyen 8 – Rombongan Insentif dan Anugerah.....	5

Rancangan Pampasan

Yang berikut ialah syarat-syarat Rancangan Pampasan, yang merupakan sebahagian daripada Kontrak antara Syarikat dengan para Pengejanya. Syarikat berhak membuat perubahan pada Kontrak, walau bagaimanapun notis bagi apa-apa perubahan akan disiarkan oleh Syarikat sekurang-kurangnya tiga puluh (30) hari sebelum perubahan tersebut berkuat kuasa.

Dalam seluruh manual ini, istilah tertakrif yang tertentu dimulakan dengan huruf besar. Istilah-istilah ini dan takrifnya dijelaskan dalam Lampiran di hujung dokumen ini, dalam teks dokumen ini, atau dalam Dasar dan Prosedur Syarikat, yang terangkum dengan manual ini melalui rujukan.

Seksyen 1 – Pembayaran Komisen

- A. Syarikat membayar pelbagai jenis Komisen bagi jualan Produk. Komisen dihitung berdasarkan Jumlah Boleh Komisen (CV) pesanan Produk, Jumlah Peribadi (PV) Pengejar, Jumlah Kumpulan (GV) Hak Pengedaran, dan kelayakan lain.
- B. Setakat jualan boleh komisen dibuat dengan Produk dikirim untuk diedarkan di Amerika Syarikat, Komisen bagi jualan tersebut di bawah Rancangan Pampasan ini akan menjadi tanggungjawab undang-undang dan akan dibayar oleh Syarikat. Setakat jualan boleh komisen dibuat dengan Produk dikirim untuk diedarkan di luar Amerika Syarikat, Komisen bagi jualan tersebut di bawah Rancangan Pampasan ini akan menjadi tanggungjawab undang-undang dan akan dibayar oleh XanGo DISC, Inc. Namun begitu, bagi kemudahan pentadbiran, Komisen yang dibayar di bawah Rancangan Pampasan ini pada amnya akan dibayar dalam bentuk cek tunggal atau instrumen atau urus niaga serupa, dengan digabungkan untuk bagi kemudahan Pengejar, Komisen yang diperoleh bagi jualan di Amerika Syarikat dan juga bagi jualan yang bukan di Amerika Syarikat.
- C. Syarikat boleh memotong bayaran pengendalian, pemprosesan atau pengiriman wang daripada Komisen Pengejar.

Seksyen 2 – Pangkat Pengejar

- A. Para Pengejar boleh melayakkan diri untuk pelbagai Pangkat bulanan dengan memenuhi keperluan tertentu, termasuk PV bulanan, GV bulanan, ADP bulanan dan keperluan jumlah tajaan. Setiap Pangkat Pengejar dan keperluannya adalah seperti yang berikut:
 1. Wakil – 100 PV.
 2. Wakil Yang Diutamakan – 100 PV dan aktif dengan 100 ADP dalam bulan yang berkenaan.
 3. 1K – 100 PV; aktif dengan 100 ADP dalam bulan yang berkenaan; minimum 1,000 GV; dan Penaja peribadi bagi sekurang-kurangnya tiga (3) Pengejar Wakil Yang Diutamakan (atau lebih tinggi) yang layak.
 4. 5K – 100 PV; aktif dengan 100 ADP dalam bulan yang berkenaan; minimum 5,000 GV; dan Penaja peribadi bagi sekurang-kurangnya tiga (3) Pengejar 1K (atau lebih tinggi) yang layak.
 5. 20K – 200 PV; aktif dengan 200 ADP dalam bulan yang berkenaan; minimum 20,000 GV; dan Penaja peribadi bagi sekurang-kurangnya tiga (3) Pengejar 5K (atau lebih tinggi) yang layak.

6. Premier – 200 PV; aktif dengan 200 ADP dalam bulan yang berkenaan; minimum 50,000 GV; dan Penaja peribadi bagi sekurang-kurangnya dua (2) Pengedar 20K (atau lebih tinggi) yang layak dan satu (1) Pengedar 5K (atau lebih tinggi) yang layak, dan Komisen UniLevel sekurang-kurangnya \$2,500 (Dolar AS).
 7. Premier 100K – 200 PV; aktif dengan 200 ADP dalam bulan yang berkenaan; minimum 100,000 GV; dan Penaja peribadi bagi sekurang-kurangnya tiga (3) Pengedar 20K (atau lebih tinggi) yang layak dan satu (1) Pengedar 5K (atau lebih tinggi) yang layak; dan Komisen UniLevel sekurang-kurangnya \$5,000 (Dolar AS).
 8. Premier 200K – 200 PV; aktif dengan 200 ADP dalam bulan yang berkenaan; minimum 200,000 GV; dan Penaja peribadi bagi sekurang-kurangnya tiga (3) Pengedar Premier (atau lebih tinggi) yang layak dan satu (1) Pengedar 20K (atau lebih tinggi) yang layak dan Komisen UniLevel sekurang-kurangnya \$10,000 (Dolar AS).
 9. Premier 500K – 200 PV; aktif dengan 200 ADP dalam bulan yang berkenaan; minimum 500,000 GV; dan Penaja peribadi bagi sekurang-kurangnya satu (1) Pengedar 200K Premier Select (atau lebih tinggi) yang layak, dua (2) Pengedar 100K Premier Select (atau lebih tinggi) yang layak, dan dua (2) Pengedar Premier (atau lebih tinggi) yang layak.
 - (i) Dua (2) daripada lima (5) Pengedar Premier yang Ditaja mestilah ditempatkan pada Barisan Hadapan Pengedar.
 10. X1 – 200 PV; aktif dengan 200 ADP dalam bulan yang berkenaan; minimum 1,000,000 GV6 (GV termampat daripada enam (6) tingkat pertama di bawah Pengedar tersebut); dan Penaja peribadi bagi sekurang-kurangnya satu (1) Pengedar 500K Premier Select (atau lebih tinggi), dua (2) Pengedar 200K Premier Select (atau lebih tinggi), dan empat (4) Pengedar Premier (atau lebih tinggi) yang layak.
 - (i) Empat (4) daripada tujuh (7) Pengedar Tajaan yang layak mestilah ditempatkan pada Barisan Hadapan Pengedar.
- B. Nama tambahan “Select” yang diberikan kepada Pengedar Premier ke atas yang mengekalkan kelayakan Pangkatnya untuk ketiga-tiga (3) bulan dengan genapnya dalam sesuatu suku tahun kalendar.

Seksyen 3 – Komisen PowerStart

- A. PowerStart adalah Komisen mingguan yang dibayar bagi Pesanan Pertama dengan Jumlah yang dibuat dalam masa 30 hari dari pendaftaran diri sebagai Pengedar baru. Secara jumlahnya, Syarikat membayar lima puluh peratus (50%) CV daripada Pesanan Pertama. Empat puluh lima peratus (45%) CV dibayar sebagai Komisen PowerStart kepada Penaja Barisan Atas Pengedar yang membuat Pesanan Pertama, tiga peratus (3%) CV diperuntukkan kepada Tabung Bonus Global, dan dua peratus (2%) yang selebihnya diperuntukkan kepada Tabung Bonus 500K.
- B. Komisen PowerStart terhad kepada sepuluh (10) peti pertama Produk (atau 1,000 CV) dalam Pesanan Pertama. Apa-apa Komisen yang selebihnya daripada Pesanan Pertama akan dibayar sebagai Komisen UniLevel.
- C. Bergantung pada PV Penaja dan status ADP, Komisen PowerStart akan dibayar dengan salah satu daripada dua cara yang berikut:
 1. PowerStart Basic – Sekiranya Penaja tingkat pertama mempunyai 100 PV untuk bulan yang berkenaan tetapi tidak aktif dengan ADP, Syarikat akan membayar dua puluh peratus (20%) CV Pesanan Pertama kepada Penaja tingkat pertama. Syarikat akan membayar baki dua puluh lima peratus (25%) CV Pesanan Pertama kepada tingkat

kedua atau Penaja layak yang seterusnya yang mempunyai 200 PV bagi bulan yang berkenaan dan aktif dengan 200 ADP.

2. PowerStart Plus – Sekiranya Penaja tingkat pertama mempunyai 100 PV untuk bulan yang berkenaan dan aktif dengan 100 ADP, Syarikat akan membayar tiga puluh peratus (30%) CV Pesanan Pertama kepada Penaja tingkat pertama. Syarikat akan membayar baki lima belas peratus (15%) CV Pesanan Pertama kepada tingkat kedua atau Penaja layak yang seterusnya yang mempunyai 200 PV bagi bulan yang berkenaan dan aktif dengan 200 ADP.
- D. Seseorang Penaja layak menerima Komisen PowerStart jika Penaja tersebut memenuhi kelayakan minimum pada bila-bila masa, dalam minggu Pesanan Pertama dibuat atau lima minggu sebelumnya. Jika Penaja tidak memenuhi kelayakan minimum dalam masa bukaan enam (6) minggu ini, Syarikat kemudiannya akan membayar Komisen kepada Penaja seterusnya yang layak melalui Pemampatan Diperkemas.
- E. Pesanan Pertama mestilah diterima oleh Syarikat tidak lewat daripada jam 5:00 petang (MST) pada hari Jumaat agar Komisen PowerStart dapat dibayar pada minggu yang berikutnya. Pesanan dalam talian yang dibuat sebelum jam 11:59 malam (MST) pada hari Ahad layak bagi pembayaran minggu yang berikutnya.

Seksyen 4 – Komisen UniLevel

UniLevel adalah Komisen bulanan yang dibayar bagi semua pesanan Produk dengan Jumlah daripada bulan sebelumnya, yang tidak dibayar sebagai Komisen PowerStart. Secara jumlahnya, Syarikat membayar lima puluh peratus (50%) CV daripada pesanan Produk ini. Empat puluh tujuh peratus (47%) CV bagi pesanan ini dibayar sebagai Komisen UniLevel, dan tiga peratus (3%) CV diperuntukkan kepada Tabung Bonus Global.

Syarikat membayar Komisen UniLevel yang tetap berdasarkan jumlah CV yang tidak tertakluk kepada Komisen PowerStart daripada sembilan (9) tingkat termampat dalam Organisasi Barisan Bawah Pengedar. Pangkat Pengedar menentukan bilangan tingkat yang boleh dikumpulkan Komisen UniLevel oleh Pengedar. Jika seseorang Pengedar tidak layak mengumpul Komisen UniLevel di bawah tingkat yang tertentu disebabkan Pangkatnya, maka Komisen tersebut dibayar melalui Pemampatan Diperkemas kepada Pengedar tertinggi seterusnya yang layak. Komisen UniLevel dibayar menurut Pangkat Pengedar seperti yang berikut, dengan setiap Pangkat yang lebih tinggi berhak terhadap lebih banyak tingkat pembayaran:

1. Wakil – Lima peratus (5%) CV pada tingkat pertama dan lima peratus (5%) CV pada tingkat ke-2.
2. Wakil Yang Diutamakan – Sama seperti Wakil, ditambah sepuluh peratus (10%) lagi CV pada tingkat ke-3.
3. 1K – Sama seperti Wakil Yang Diutamakan, ditambah lima peratus (5%) lagi CV pada tingkat ke-4.
4. 5K – Sama seperti 1K, ditambah lima peratus (5%) lagi CV pada tingkat ke-5.
5. 20K – Sama seperti 5K, ditambah lima peratus (5%) lagi CV pada tingkat ke-6 dan lima peratus (5%) lagi CV pada tingkat ke-7.
6. Premier ke atas – Sama seperti 20K, ditambah lima peratus (5%) lagi CV pada tingkat ke-8 dan dua peratus (2%) lagi CV pada tingkat ke-9.

Semua pesanan Produk bukan dalam talian mestilah diterima oleh Syarikat sebelum jam 5:00 petang (MST) pada hari kerja terakhir sesuatu bulan untuk dimasukkan dengan penghitungan Komisen UniLevel bulan tersebut. Pesanan Produk dalam talian mestilah diterima oleh Syarikat sebelum jam 11:59:00 malam (MST) pada hari terakhir bulan yang berkenaan untuk dimasukkan dengan penghitungan Komisen UniLevel bulan tersebut. Untuk Premier ke atas, tarikh akhir untuk menyemak Organisasi Barisan Bawah mereka ialah 5:00 petang (MST) pada hari kerja kedua bulan yang berikutnya.

Seksyen 5 – Komisen Tabung Bonus Global

- A. Tabung Bonus Global adalah Komisen suku tahunan yang dibayar dari tabung yang terdiri daripada tiga peratus (3%) Jumlah Boleh Komisen seluruh dunia. Tabung Bonus Global dibayar pada bulan selepas berakhirnya suku tahun kalendar yang berkenaan kepada Penedar yang layak setiap bulan bagi suku tahun kalendar tersebut sebagai Premier Yang Diutamakan ke atas.
- B. Pembayaran suku tahunan Tabung Bonus Global dihitung dengan menjumlahkan GV3, GV6 dan GV9 (Jumlah Kumpulan termampat) yang berkenaan bagi suku tahun kalendar tersebut daripada Penedar Premier yang layak, dengan itu menghasilkan jumlah keseluruhan tabung. Peratusan keseluruhan tabung yang diperuntukkan kepada Penedar Premier yang layak ialah amaun GV3, GV6 atau GV9 yang disumbangkan oleh Penedar, dibahagikan dengan jumlah keseluruhan tabung. Peratusan ini kemudiannya didarabkan dengan keseluruhan amaun dolar dalam Tabung Bonus Global, dengan itu menghasilkan Komisen Tabung Bonus Global bagi Penedar tersebut.
- C. Penedar yang layak menyertai Tabung Bonus Global dan amaun sumbangan Jumlah Kumpulan masing-masing kepada tabung tersebut adalah seperti yang berikut:
 - 1. Premier Select – menyumbang GV termampat daripada tiga (3) tingkat pertama di bawah Penedar.
 - 2. 100K Premier Select – menyumbang GV termampat daripada enam (6) tingkat pertama di bawah Penedar.
 - 3. 200K Premier Select – menyumbang GV termampat daripada sembilan (9) tingkat pertama di bawah Penedar.
 - 4. 500K Premier Select – menyumbang GV termampat daripada sembilan (9) tingkat pertama di bawah Penedar.
 - 5. X1 Select – menyumbang GV termampat daripada sembilan (9) tingkat pertama di bawah Penedar.
- D. Komisen yang terbit daripada Tabung Bonus Global dibayar dengan cek UniLevel yang berkenaan.

Seksyen 6 – Komisen Tabung Bonus 500K

- A. Tabung Bonus 500K adalah Komisen suku tahunan yang dibayar dari tabung yang terdiri daripada dua peratus (2%) semua CV seluruh dunia daripada Pesanan Pertama yang dibayar sebagai Komisen PowerStart dalam suku tahun yang berkenaan. Tabung Bonus 500K dibayar pada bulan selepas berakhirnya suku tahun kalendar yang berkenaan kepada Penedar yang layak setiap bulan dalam suku tahun kalendar tersebut sebagai 500K Premier Select ke atas.
- B. Pembayaran suku tahunan Tabung Bonus 500K ditentukan dengan menjumlahkan GV6 (Jumlah Kumpulan termampat) bagi suku tahun kalendar tersebut daripada Penedar 500K Premier Select yang layak, dengan itu menghasilkan jumlah keseluruhan tabung. Peratusan jumlah keseluruhan tabung yang diperuntukkan kepada Penedar 500K Premier Select yang layak ialah

amaun GV6 yang disumbangkan oleh Pengedar, dibahagikan dengan jumlah keseluruhan tabung. Peratusan ini kemudiannya didarabkan dengan keseluruhan amaun dolar dalam Tabung 500K, dengan itu menghasilkan Komisen Tabung Bonus 500K bagi Pengedar tersebut.

1. 500K Premier Select – menyumbang GV termampat daripada enam (6) tingkat pertama di bawah Pengedar.
 2. X1 Select – menyumbang GV termampat daripada enam (6) tingkat pertama di bawah Pengedar.
- C. Komisen yang terbit daripada Tabung Bonus 500K dibayar dengan cek UniLevel yang berkenaan.
- D. Seandainya tiada Pengedar yang melayakkan diri bagi Tabung Bonus 500K, amaun tabung tersebut akan ditambah pada Tabung Bonus Global bagi suku tahun yang berkenaan.

Seksyen 7 – Komisen Jualan Runcit

- A. Pengedar boleh menjana Komisen Jualan Runcit dengan:
1. membeli Produk daripada Syarikat pada harga borong dan menjualnya semula kepada Pelanggan, atau
 2. menarik Pelanggan supaya membeli Produk terus daripada Talian Pesanan Runcit Syarikat.
- B. Syarikat membayar Komisen Jualan Runcit bagi semua jualan Produk kepada Pelanggan yang dirujuk kepada Talian Pesanan Runcit Syarikat oleh Pengedar. Komisen Jualan Runcit ialah perbezaan antara harga runcit dengan Kos Jualan Borong Produk, ditolak apa-apa bayaran pengendalian pentadbiran yang dikenakan.
- C. Pesanan Produk Jualan Runcit mestilah diterima oleh Syarikat sebelum jam 11:59:00 malam (MST) pada hari terakhir bagi bulan yang berkenaan untuk dimasukkan dengan penghitungan Komisen bulan tersebut. Komisen Jualan Runcit dibayar dengan cek UniLevel bulanan yang berkenaan.

Seksyen 8 – Rombongan Insentif dan Anugerah

- A. Dari semasa ke semasa, Syarikat akan menyediakan rombongan insentif dan anugerah-anugerah yang lain kepada para Pengedar yang layak. Anugerah atau rombongan ini diberi berdasarkan prestasi tinggi Pengedar. Syarikat hanya akan mengganjar Orang yang tersenarai pada Perjanjian Pengedar seseorang Pengedar yang layak. Penerimaan rombongan insentif atau anugerah tidak boleh ditangguhkan sehingga masa akan datang. Tiada bayaran atau kredit akan diberi kepada mereka yang tidak dapat atau memilih untuk tidak menyertai rombongan atau menerima anugerah. Jika diluluskan oleh Syarikat, Pengedar boleh membawa anak-anak semasa rombongan insentif tersebut atas tanggungan sendiri.
- B. Walaupun Syarikat membayar sebahagian atau semua kos untuk rombongan insentif sedemikian, Pengedar bersetuju untuk menanggung rugi dan melindungi Syarikat bagi apa-apa kecederaan yang dialami berkaitan dengan rombongan tersebut, oleh Pengedar dan/atau tetamu-tetamunya. Pengedar tidak boleh membuat apa-apa tuntutan terhadap, atau bergantung pada, apa-apa polisi insurans Syarikat untuk membiayai kos dan belanja bagi apa-apa kecederaan terhadap Pengedar dan/atau tetamu-tetamu Pengedar.

- C. Syarikat diwajibkan oleh undang-undang untuk memasukkan nilai pasaran yang saksama bagi apa-apa anugerah, rombongan insentif, dan sebagainya pada laporan cukai akhir tahun Pengedar (borang 1099 dan/atau borang cukai yang berkenaan). Pengedar bertanggungjawab terhadap cukai yang dikenakan dan bersetuju untuk melindungi Syarikat daripada tuntutan liabiliti cukai yang berkaitan dengan rombongan insentif dan anugerah ini.

- D. Jika didapati bahawa Pengedar membuat apa-apa salah nyata atau telah mencabuli mana-mana Dasar dan Prosedur untuk melayakkan diri bagi rombongan insentif dan anugerah ini, Syarikat mempunyai hak untuk mengenakan bayaran kepada Pengedar bagi apa-apa kos yang ditanggung oleh Syarikat atau bagi apa-apa faedah yang diterima oleh Pengedar tersebut.

LAMPIRAN

Istilah-istilah tertakrif yang berikut diguna pakai dalam seluruh Rancangan Pampasan, dan istilah-istilah ini dimulakan dengan huruf besar:

Barisan Atas

Hierarki sebaris yang terdiri daripada Penaja dan/atau Pengedar yang menganjur ke atas dari Penempatan seseorang Pengedar.

Barisan Hadapan

Pengedar-pengedar yang berada pada tingkat pertama Organisasi Barisan Bawah yang terdekat bagi mana-mana Pengedar yang tertentu melalui Penajaan dan/atau Penempatan.

Hak Pengedaran

Hubungan antara Pengedar dengan Syarikat seperti yang ditakrif oleh Kontrak, termasuk Organisasi Barisan Bawah Pengedar dan hak untuk mendapat Komisen.

Jualan Runcit

Jualan dibuat kepada para Pelanggan.

Jumlah

Nilai yang diperuntukkan kepada sesuatu Produk untuk tujuan Komisen.

Jumlah Boleh Komisen (CV)

Amaun sebenar Jumlah yang tertakluk kepada Komisen dalam pasaran yang tertentu.

Jumlah Kumpulan (GV)

Jumlah keseluruhan Produk yang dibeli oleh Pengedar dan Organisasi Barisan Bawahnya.

Jumlah Peribadi (PV)

Jumlah Produk yang dibeli oleh Pengedar.

Kos Jualan Borong

Harga yang dikenakan oleh Syarikat terhadap Pengedar untuk Produk ditambah bayaran penghantaran dan cukai yang dikenakan.

Orang

Konteks rasmi atau konteks undang-undang yang merujuk kepada individu, Entiti Perniagaan, atau mana-mana entiti lain dengan kewujudan yang ternyata berasingan.

Organisasi Barisan Bawah

Organisasi yang terdiri daripada Pengedar-pengedar yang telah ditaja atau direkrut secara peribadi oleh orang yang berada dalam rantaian langsung Tajaan mana-mana Pengedar yang tertentu.

Pangkat

Tingkat semasa Hak Pengedaran menurut Rancangan Pampasan. Pangkat Pengedar, yang akan mempengaruhi Komisen Pengedar, boleh berubah-ubah dan bergantung pada syarat bahawa Pengedar memenuhi pelbagai kelayakan yang digariskasarkannya dalam Rancangan Pampasan.

Pelanggan

Pihak yang bukan Pengedar yang membeli Produk pada harga runcit.

Pemampatan Diperkemas

Apabila Komisen dan/atau Tajaan melangkaui Pengedar yang tidak layak kepada Pengedar berikutnya yang layak (Pengedar dengan keperluan PV yang minimum). Dengan Komisen, apabila jualan yang biasanya boleh diperoleh komisen dibuat pada barisan yang bawah daripada seseorang Pengedar, tetapi Pengedar tersebut tidak layak berdasarkan Pangkatnya untuk menerima Komisen tersebut, Komisen itu dibayar kepada Pengedar Barisan Atas seterusnya yang layak. Dengan penajaan pula, apabila seseorang Penaja bagi Pengedar yang aktif tidak mempunyai PV bulanan, tajaan Pengedar bagi Penaja tersebut yang tertinggi pangkatnya diberi kepada Penaja aktif yang tertinggi berikutnya.

Penaja

Pengedar yang telah merekrut Pengedar lain secara langsung dalam Organisasi Barisan Bawahnya.

Penempatan

Penentududukan Pengedar dalam Organisasi Barisan Bawah oleh Penaja.

Pengedar

Orang yang telah mengikat kontrak dengan Syarikat. Jika lebih daripada seorang individu tersenarai pada Perjanjian Pengedar, maka 'Pengedar' boleh merujuk kepada semua individu secara kolektif, dengan setiap orang mengekalkan semua hak dan kewajipan Pengedar secara individu.

Perjanjian Pengedar

Perjanjian yang dikemukakan oleh seseorang Pemohon untuk menjadi Pengedar. Dengan mengemukakan Perjanjian Pengedar, Pemohon mengesahkan bahawa dia telah membaca dan akan mematuhi syarat-syarat Kontrak tersebut.

Pesanan Pertama

Pesanan pertama Produk dengan Jumlah oleh Pengedar, yang dikirim ke satu alamat tunggal. Jika pesanan ini dibuat dalam masa tiga puluh (30) hari dari Tarikh Pendaftaran Diri, pesanan ini layak dibayar sebagai PowerStart.

Produk

Mana-mana produk atau perkhidmatan yang ditawarkan oleh Syarikat.

Program Penghantaran Automatik (Automatic Delivery Program atau ADP)

Program pilihan yang memberi kuasa kepada Syarikat untuk mengirim Produk secara automatik kepada Pengedar setiap bulan.

Rancangan Pampasan

Pelan khusus yang digunakan oleh Syarikat yang memperincikan keperluan dan faedah struktur imbuhan untuk Pengedar.

Syarikat

XanGo, LLC, sebuah syarikat liabiliti terhad di Utah, atau mana-mana pemegang serah hak, pengganti, subsidiari, atau sekutu yang sah di sisi undang-undang, tanpa mengira lokasi geografinya.

Tabung Bonus 500K

Tabung Komisen yang terdiri daripada dua peratus (2%) semua Jumlah Boleh Komisen daripada Pesanan Pertama seluruh dunia, tertakluk kepada Komisen PowerStart yang dibayar kepada pengedar 500K Premier Select ke atas yang layak.

Tabung Bonus Global

Tabung Komisen yang terdiri daripada tiga peratus (3%) semua Jumlah Boleh Komisen seluruh dunia, tidak tertakluk kepada Komisen PowerStart yang dibayar kepada pengedar Premier Select ke atas yang layak.